

## **HIBAH DENGAN SYARAT BALASAN MENURUT PANDANGAN FUQAHA DAN KEDUDUKANNYA DALAM UNDANG-UNDANG SIVIL JORDAN**

### **Conditional *Hibah* in Favour According to The Opinions of Islamic Jurists and Its Position in The Civil Law of Jordan**

**Noor Lizza Mohamed Said<sup>1</sup>**

**Mohd. Ridzuan Awang<sup>2</sup>**

**Amir Husin Mohd Nor<sup>3</sup>**

#### **ABSTRACT**

*Conditional hibah (bequest) in favour has become a popular product in Malaysia with a market that is growing in tandem with the rapid development of the nation's Muslim estate planning industry. Such products with the underlying conditional hibah principle need to be viewed in terms of the law, type of contract and impact on the contracting parties. However, written laws of*

---

<sup>1</sup> Lecturer, Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, lizza@ukm.my.

<sup>2</sup> Associate Professor, Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, idzuan@ukm.my.

<sup>3</sup> Associate Professor, Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, ahmn@ukm.my.

*conditional hibah in favour are still lacking in Malaysia in contrast with those provided under the Civil Law of Jordan. Therefore, this article aims to examine the views of the Islamic jurists on the conditional hibah in favour and the relevant provisions in the Civil Law of Jordan. Specific written laws for hibah are essential for regulating hibah transactions in the emerging markets so that they are consistent with the sharia principles and meet the demand of the Islamic community in this country.*

**Keywords:** *Conditional hibah in favour, the civil law of Jordan, Islamic property, bequest product, hibah transaction.*

## **PENGENALAN**

Masyarakat Islam Malaysia pada hari ini semakin sedar akan kepentingan pengurusan harta sebelum berlaku kematian ekoran anggaran sebanyak RM42 bilion nilai harta pusaka orang Islam tertangguh atau tidak dapat diselesaikan<sup>4</sup> dan lebih RM4 bilion wang yang tidak dituntut oleh pemilik masih dipegang Unit Perbendaharaan Bank Negara berikutan kegagalan waris-waris mereka membuat tuntutan ke atas wang tersebut.<sup>5</sup> Antara punca permasalahan ini berlaku ialah kesukaran menguruskan pembahagian pusaka yang melibatkan proses penyerahan harta pusaka kepada waris-waris memakan masa untuk diselesaikan kerana perlu melalui berbagai-bagai proses tuntutan selain daripada kesukaran mengesan waris-waris si mati. Justeru, pengurusan harta sebelum kematian melalui instrumen hibah adalah salah satu pilihan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.

Produk berkonsepkan hibah semakin berkembang dalam industri perancangan harta umat Islam di negara ini. Pihak industri mengkomersialkan hibah sebagai satu produk yang boleh memberikan pulangan yang menguntungkan kepada mereka. Walau bagaimanapun, timbul kebimbangan di kalangan masyarakat Islam akan kesahihan sesuatu produk berkonsepkan hibah dari sudut syarak dan kebimbangan sekiranya berlaku pertikaian di antara pihak-pihak yang berakad bagaimanakah pertikaian tersebut akan diselesaikan berikutan tiada undang-undang khusus berkaitan hibah yang diwartakan di negara ini untuk dijadikan panduan dan rujukan rasmi.<sup>6</sup> Antara produk hibah

<sup>4</sup> *Utusan Malaysia*, 2 April 2009, 7.

<sup>5</sup> *Utusan Malaysia*, 21 Februari 2011, 2.

<sup>6</sup> Sheikh Ghazali bin Hj Abd. Rahman, 'Perkembangan terkini undang-undang hibah di Malaysia', *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta Dalam Islam* (2010), 45.

yang ditawarkan di pasaran ialah hibah dengan syarat balasan iaitu syarat balasan yang dikenakan oleh pemberi hibah kepada penerima hibah atas hibah yang diberikan. Persoalannya, apakah hukum akad hibah dengan syarat balasan dan pandangan fuqaha mengenainya serta apakah hak-hak pemberi dan penerima hibah kesan daripada termeterainya akad tersebut?

Justeru, artikel ini akan merungkai pandangan fuqaha berkaitan hibah dengan syarat balasan dan pengaplikasiannya dalam Undang-undang Sivil Jordan (*al-Qānūn al-Madani al-Urdūnī Raqm (43) li Sanah 1976*). Peruntukan undang-undang hibah di Negara Jordan tersenarai dalam Perkara 557 hingga Perkara 581 dalam Undang-undang Sivil Jordan yang menyentuh berkaitan rukun-rukun hibah, kesan hibah dan penarikan balik hibah merangkumi hibah dengan syarat balasan. Kajian ini hanya tertumpu kepada pandangan fuqaha dalam masalah hibah dengan syarat balasan dan melihat pelaksanaannya dalam Undang-undang Sivil Jordan.

## KAJIAN LEPAS

Kajian dan penulisan secara khusus berkaitan hukum hibah dalam perundangan Islam tidak banyak dilakukan lebih-lebih lagi yang berkaitan hibah dengan syarat. Antaranya buku *al-Hibah Fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqāranah* tulisan Muḥammad Ḥusnī Ibrāhīm Salim. Kajian perbandingan pandangan fuqaha ke atas beberapa permasalahan penting berkaitan hibah yang dibuat oleh Muḥammad Ḥusnī dengan membincangkan hujah-hujah dan dalil-dalil yang menjadi sandaran fuqaha akhirnya menghasilkan pandangan yang *rājih* bagi setiap permasalahan. Antara permasalahan penting yang dibincangkan ialah masalah *qabd*, kesamarataan antara anak-anak dalam hibah dan penarikan balik hibah.<sup>7</sup> Muḥammad Yūsof ‘Amru dalam kitabnya *al-Mirāth wa al-Hibah Dirāsah Muqāranah* membincangkan secara terperinci rukun dan syarat hibah, hukum-hukum berkaitan hibah dan penarikan balik hibah dan dibuat perbandingan dengan peruntukan hibah yang terdapat dalam *Qānūn al-Aḥwāl al-Syakhṣiyyah al-Sudānī*.<sup>8</sup> Ḥasan Muḥammad Buda pula memberi tumpuan kepada kajian ke atas halangan-halangan penarikan balik hibah dengan mengulas pandangan-pandangan fuqaha beserta hujah mereka dan dibuat perbandingan dengan peruntukan berkaitan hibah yang dikanunkan

<sup>7</sup> Muḥammad Ḥusnī Ibrāhīm Salim, *al-Hibah fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqāranah* (Kaherah: Dār al-Ṭaba‘ah al-Muḥammadiyyah, 1994).

<sup>8</sup> Muḥammad Yūsof ‘Amru, *al-Mirāth wa al-Hibah Dirāsah Muqāranah* (Ammān: Dār al-Hamed, 2008).

di Mesir.<sup>9</sup> Kajian berkaitan hibah dengan syarat balasan tidak dibincangkan secara khusus dalam kajian-kajian tersebut begitu juga tiada lagi kajian yang dibuat ke atas peruntukan berkaitan hibah dengan syarat balasan yang terdapat dalam Undang-undang Sivil (*Qanun Madānī*) di Jordan.

Mohd Ridzuan Awang<sup>10</sup> dan Sheikh Ghazali Hj Abd. Rahman<sup>11</sup> menyatakan kebimbangan mereka akan timbul pelbagai masalah dalam masyarakat ekoran ketiadaan undang-undang bertulis khusus berkaitan hibah untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan. Dalam artikel *Pelaksanaan Harta Hibah*, Mohd Ridzuan Awang telah mengupas beberapa aspek hukum syarak berkaitan hibah dan pelaksanaannya di Mahkamah Syariah atau di negara ini amnya dengan merujuk kepada peruntukan undang-undang bertulis yang berkaitan dan kes-kes yang pernah diputuskan oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil. Beliau menegaskan akan keperluan undang-undang mengenai hibah diwujudkan di Malaysia bagi memudahkan orang Islam membuat hibah harta pada masa hayat mereka dan memberi kuasa eksklusif kepada Mahkamah Syariah untuk menyelesaikan kes-kes yang berkaitan dengan hibah harta orang Islam selaras pindaan Perkara 121(1A) Kanun Tanah Negara 1965 (pindaan) tahun 1992.<sup>12</sup> Begitu juga dengan Mohd Zamro Muda dalam artikel beliau *Instrumen Hibah Dan Wasiat: Analisis Hukum Dan Aplikasi Di Malaysia* telah mencadangkan agar digubal undang-undang khusus berkaitan hibah di negara ini. Artikel ini mengupas instrumen hibah secara ringkas dan pengaplikasiannya secara umum di Malaysia tanpa membincangkan permasalahan hibah dengan syarat balasan.<sup>13</sup>

Nasrul Hisyam Nor Muhamad pula dalam kertas kerja beliau *Elemen Qabḍ (Pindahan Milikan) Dalam Hibah: Analisis Terhadap Keperluan Dan Pelaksanaannya Mengikut Perspektif Undang-undang Islam* menganalisis keperluan *qabḍ* dalam hibah dan perlaksanaannya mengikut perspektif Islam dan pandangan fuqaha mengenainya. Penulis mengetengahkan *maqāṣid sharī'ah* daripada pensyariatan *qabḍ* dalam hibah. Hasil kajian penulis

---

<sup>9</sup> Hasan Muḥammad Buda, *Mawānī' al-Rujū' fi al-Hibah fi al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qānūn al-Waḍ'ī* (Iskandariyyah: Dār al-Jamī'ah al-Jadīdah li al-Nashr, 2004).

<sup>10</sup> Mohd Ridzuan Awang, 'Pelaksanaan Harta Hibah', *Isu Syariah dan Undang-undang Siri 12*, (Bangi: Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003).

<sup>11</sup> Sheikh Ghazali bin Hj Abd. Rahman, 'Perkembangan terkini undang-undang hibah di Malaysia'. 45.

<sup>12</sup> Mohd Ridzuan Awang, 'Pelaksanaan Harta Hibah'.

<sup>13</sup> Mohd Zamro Muda, 'Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia', Kertas kerja dibentangkan di Bengkel Hibah, Seksyen Syariah Jabatan Peguam Negara, Hotel Equatorial, 18-19 November 2008.

mendapati bahawa syarat *qabd* yang ditekankan oleh jumhur fuqaha untuk menguatkuasakan hibah adalah bersifat fleksibel dalam pelaksanaannya.<sup>14</sup> Manakala dalam artikel *Aplikasi Konsep 'Umra dan Ruqba Dalam Produk-produk Hibah di Syarikat-syarikat Amanah di Malaysia*, penulis yang sama menganalisis konsep *'umrā* dan *ruqbā* menurut Islam meliputi pandangan fuqaha mengenai kedua-dua konsep tersebut. Kertas kerja ini juga mengkaji aplikasi kedua-dua konsep tersebut dalam produk-produk hibah masa kini di syarikat-syarikat amanah di Malaysia serta meneliti justifikasi penawarannya. Beliau juga mencadangkan supaya undang-undang berkaitan hibah perlu diwartakan dan dinyatakan dalam undang-undang tersebut peruntukan mengenai *'umrā* dan *ruqbā* serta kedudukannya dari segi perundangan. Ismail Bin Mohd @ Abu Hassan juga mengupas berkaitan instrumen hibah sebagai mekanisma perancangan harta dan dibahas mengikut pendapat-pendapat fuqaha di samping membincangkan isu-isu dan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan hibah di Malaysia.<sup>15</sup>

Oleh kerana kajian berkaitan hibah sebelum ini hanya menyentuh permasalahan hibah dengan syarat balasan secara umum dan mendarat tanpa perbincangan yang terperinci dan rata-ratanya mencadangkan pihak berwajib di negara ini mewartakan undang-undang khusus berkaitan hibah, justeru artikel ini ditulis untuk memperjelaskan hukum hibah dengan syarat balasan dan kesan akad tersebut ke atas pemberi dan penerima hibah menurut pandangan fuqaha serta mengkaji pelaksanaannya dalam peruntukan undang-undang yang terdapat di negara Jordan.

## TAKRIF HIBAH

Hibah menurut takrifan Ibn Manzūr adalah suatu pemberian tanpa apa-apa balasan dan tiada sebarang tujuan.<sup>16</sup> Begitu juga yang ditakrifkan oleh al-Jurjani dari sudut syarak ia bermaksud pemberian milik sesuatu tanpa balasan.<sup>17</sup> Para fuqaha mempunyai pelbagai takrifan hibah antaranya menurut

<sup>14</sup> Nasrul Hisyam Nor Muhamad, 'Elemen Qabd (Pindahan Milikan) Dalam Hibah: Analisis Terhadap Keperluan Dan Pelaksanaannya Mengikut Perspektif Undang-undang Islam', *Jurnal Syariah*, 17/2 (2009), 243-266.

<sup>15</sup> Ismail Bin Mohd @ Abu Hassan, 'Instrumen Hibah: Isu-isu Dan Cabaran', Kertas kerja dibentangkan di Bengkel Hibah, Seksyen Syariah Jabatan Peguam Negara Malaysia, Hotel Equatorial, 18-19 November 2008.

<sup>16</sup> Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram, *Lisān al-'Arab* (Riyad: Dār al-Akhyar, 15 vols., 1427/2006), 399.

<sup>17</sup> Al-Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad, *Kitāb al-Ta'rifāt* (Beirūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1418/1998), 319.

mazhab Hanafi ia adalah pemberian milik ‘*ayn* harta tanpa balasan.<sup>18</sup> Mazhab Maliki mentakrifkan hibah sebagai pemberian milik ketika hidup tanpa balasan.<sup>19</sup> Mazhab Shafi’i berpendapat hibah adalah pemberian milik ‘*ayn* harta tanpa balasan ketika hidup secara sukarela.<sup>20</sup> Manakala mazhab Hanbali mentakrifkan sebagai pemberian milik suatu harta ketika hidup tanpa balasan<sup>21</sup> secara sukarela<sup>22</sup> atau sumbangan oleh orang yang boleh menguruskan hartanya dengan memberi milik hartanya yang diketahui atau tidak diketahui.<sup>23</sup>

Berdasarkan takrifan-takrifan di atas, dapat disimpulkan bahawa hibah merupakan akad pemberian milik harta kepada individu lain secara sukarela tanpa mengharap balasan daripada penerima hibah yang berkuatuksa ketika hidup pemberi hibah. Undang-undang Sivil Jordan pula memperuntukkan dalam Perkara 557(1) bahawa:

*“Hibah merupakan pemberian milik harta kepada orang lain ketika hidup pemilik harta tanpa gantian.”*

Walaupun takrifan hibah adalah pemberian sukarela tanpa balasan atau gantian, namun dalam Perkara 557(2) memperuntukkan keharusan meletakkan syarat gantian dalam akad hibah:

*“Pemberi hibah diharuskan mensyaratkan ke atas penerima hibah melakukan suatu komitmen atau tanggungjawab tertentu dalam keadaan dia masih berniat untuk menyumbang (tabarru’) dan dikira komitmen tersebut sebagai gantian.”*

Melakukan sesuatu komitmen atau tanggungjawab untuk kepentingan diri pemberi hibah atau untuk kepentingan waris-warisnya ataupun untuk kepentingan selain daripada mereka adalah syarat gantian yang diharuskan dalam akad hibah yang disyaratkan oleh pemberi hibah ke atas penerima hibah

<sup>18</sup> Al-Qādirī, Muḥammad bin Ḥusayn bin ‘Alī, *Takmilah al-Baḥr al-Rā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1418/1997), vii. 483.

<sup>19</sup> Ibn Rushd, Muḥammad bin Aḥmad, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1416/1996), v. 357.

<sup>20</sup> Al-Sharbinī, Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma’rifat Ma’ānī Alfāz al-Minhāj* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1415/1994), iii. 559; Mustafa Khin et.al, *al-Fiqh al-Manhajī Alā Madhāhib al-Imām al-Shāfi’ī* (Damshiq: Dār al-Qalam, 1427/2006), iii. 101.

<sup>21</sup> Ibn Qudāmah, ‘Abd Allah bin Aḥmad, *al-Mughnī* (Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, n.d.), vi. 246.

<sup>22</sup> Al-Ashqar, Muḥammad Sulayman Abdullah, *al-Mujalla* (Damshiq: Dār al-Qalam, 1419/1998), ii. 119.

<sup>23</sup> Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, iii. 357.

untuk dilaksanakan. Namun syarat gantian atau balasan tersebut hendaklah tidak bertentangan dengan hakikat dan makna hibah yaitu pemberian atau pemindahan hak milik harta kepada orang lain secara sukarela. Daripada takrifan yang diperuntukkan, hibah boleh dikategori kepada dua jenis iaitu hibah mutlak dan hibah dengan syarat gantian atau balasan.

## HIBAH DENGAN SYARAT BALASAN ATAU GANTIAN

Hibah terbahagi kepada dua jenis iaitu hibah mutlak dan hibah bersyarat atau dengan syarat. Dalam pembahagian hibah bersyarat atau dengan syarat, ia dibahagikan kepada tiga iaitu hibah dengan syarat balasan atau gantian, hibah bersyarat *'umrā* dan hibah bersyarat *ruqbā*. Namun dalam artikel ini tidak dibincangkan hibah bersyarat *'umrā* dan *ruqbā*.

Hibah mutlak merupakan pemberian yang tidak disertakan dengan syarat balasan bertepatan dengan takrif hibah itu sendiri iaitu pemberian milik secara sukarela tanpa mengharapkan sebarang balasan.<sup>24</sup> Nadir Abd al-Azīz mengkategorikannya sebagai hibah secara langsung (*mubāsharah*) yang tidak terikat dengan apa-apa syarat yang perlu ditunaikan. Bahkan tujuan pemberi hibah menghibahkan hartanya kepada penerima hibah adalah pemberian sukarela tanpa mengharapkan sebarang balasan atau menyandarkan hibah tersebut dengan sesuatu syarat.<sup>25</sup>

Manakala menghibahkan sesuatu harta dengan syarat penerima hibah membalas hibah tersebut dengan gantian harta atau melakukan sesuatu tanggungjawab tertentu adalah dikategorikan sebagai hibah dengan syarat balasan atau gantian. Namun, sekiranya syarat yang terdapat dalam akad hibah tersebut boleh menafikan hakikat dan tujuan pemberian hibah, maka syarat tersebut terbatal walaupun akad hibah sah seperti pemberi hibah berkata:

“Saya menghibahkan barang ini kepada kamu dengan syarat kamu tidak menjualnya atau tidak menghibahkannya kepada sesiapa pun.”<sup>26</sup>

Dalam situasi ini, penerima hibah berhak menjual atau menghibahkan harta yang telah dihibahkan kepadanya setelah sempurna akad hibah di antara kedua-

<sup>24</sup> ‘Abd al-Bar, Muhammad Zakī, *Aḥkām al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah fī al-Madḥḥab al-Ḥanbalī* (Qatar: Dār al-Thaqāfah, 1406/1986), 485.

<sup>25</sup> Nadir ‘Abd ‘Aziz, *Aqd al-Hibah fī al-Qānūn al-Lubnāni wa al-Muqārīn* (Lubnan: al-Mu’assasah al-Ḥadīthah li al-Kitāb, 2001), i. 53-54.

<sup>26</sup> ‘Abd al-Bar, Muhammad Zakī, *Aḥkām al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah fī al-Madḥḥab al-Ḥanbalī*, 492.

dua belah pihak yang berakad. Ini kerana, apabila telah sempurna dari segi rukun dan syarat akad hibah, maka penerima hibah berhak ke atas harta yang dihibah dan tiada halangan untuk dia menguruskan hartanya sebagaimana yang dia kehendaki. Meletakkan syarat supaya penerima hibah tidak melakukan apa-apa transaksi ke atas harta yang dihibah seperti tidak boleh dijual, dihadiah, diwakaf atau dihibah kepada orang lain dihukumkan oleh fuqaha sebagai batal syarat tersebut. Namun, masalah tersebut tidak diperuntukkan dengan jelas dalam Undang-undang Sivil Jordan. Melihat kepada tujuan sekatan-sekatan tersebut dan tempoh sekatan yang disyaratkan dalam akad sekiranya tujuannya memberi kemaslahatan kepada pemberi atau penerima hibah maka adalah baik menurut pandangan penulis sekiranya syarat tersebut dikuatkuasakan selagi ia tidak bertentangan dengan undang-undang umum dan adat sesuatu tempat.

Syarat balasan atau gantian yang diharuskan dalam akad hibah adalah seperti pemberi berkata:

“Saya hibahkan tanah ini kepada kamu dengan syarat kamu menjaga saya sehingga saya meninggal dunia, atau saya hibahkan rumah ini kepada kamu dan kamu gantikannya dengan kereta ini”.

Syarat balasan juga boleh berlaku dalam bentuk melunaskan hutang pemberi hibah. Sekiranya gantian atau balasan hibah yang disyaratkan dalam akad hibah ialah melunaskan hutang-hutang pemberi hibah tanpa ada syarat-syarat lain yang dipersetujui di antara mereka, maka penerima hibah hanya perlu melunaskan hutang-hutang pemberi hibah yang wujud ketika akad hibah berlaku tanpa perlu melunaskan hutang-hutang yang dibuat oleh pemberi hibah selepas akad hibah dilakukan selagi mana tiada persetujuan lain selain daripada itu.<sup>27</sup> Walau bagaimanapun, pemberi hibah boleh mensyaratkan penerima hibah membayar hutangnya yang wujud selepas akad hibah.

Imam Abu Hanifah, Malik, al-Shafi‘i dan Ahmad bersepakat bahawa *ījāb* hibah dengan syarat balasan atau gantian tersebut adalah diharuskan oleh itu sah akad dan syarat yang ditetapkan dalam akad hibah. Undang-undang Sivil Jordan juga sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 557(2) mengharuskan syarat balasan atau gantian dan dalam Perkara 572 diperuntukkan bahawa penerima hibah hendaklah menunaikan apa yang disyaratkan sebagai gantian sama ada gantian tersebut untuk kepentingan pemberi hibah atau selain daripadanya. Oleh itu, penerima hibah berkewajipan menunaikan syarat gantian sebagaimana yang terdapat dalam akad dan sekiranya dia tidak melaksanakan syarat tersebut, maka pemberi hibah berhak menarik balik hibahnya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 561:

---

<sup>27</sup> Perkara 573, Undang-undang Sivil Jordan.

*“Diharuskan pemberi hibah menuntut kembali harta yang telah dihibah apabila disyaratkan dalam akad hibah hak menuntut kembali harta yang telah dihibah dalam keadaan penerima hibah tidak menunaikan kewajiban atau komitmen tertentu yang telah disyaratkan sama ada untuk kepentingan pemberi hibah atau sesiapa sahaja yang berhubung kait dengannya.”*

Perkara 561 menjaga hak dan kepentingan pemberi hibah dalam masalah penerima hibah memungkirkan janji untuk melaksanakan syarat yang telah termeterai dalam akad. Walaupun harta yang dihibah telah diterima dan berada di bawah pemilikan penerima hibah, namun pemberi hibah berhak menuntut kembali harta yang telah dihibah kerana kemungkiran dari pihak penerima hibah.

Para fuqaha berselisih pendapat tentang jenis dan bentuk akad hibah dengan syarat balasan atau gantian sebagaimana berikut:

#### **i. Mazhab Hanafi**

Menurut mazhab Hanafi kecuali Zufar, akad hibah dengan syarat gantian pada permulaannya dianggap sebagai akad hibah dan akhirnya dianggap sebagai akad jual beli. Hukum-hukum hibah dilaksanakan sebelum berlaku penyerahan dan penerimaan ataupun *qabḍ* seperti tidak harus pemberian hibah barang yang *musya‘*, disyaratkan *qabḍ* dan diharuskan penarikan balik hibah pada kedua-dua barang yang belum di*qabḍ*. Manakala selepas berlaku penerimaan daripada kedua-dua belah pihak iaitu saling menerima pemberi dan penerima, akad tersebut dikira sebagai akad jual beli dan terlaksana hukum jual beli ke atasnya.<sup>28</sup>

Asas pegangan golongan ini ialah terdapat dalam akad tersebut lafaz hibah dan makna jual beli. Oleh sebab itu, ia dikira seolah-olah telah berlaku dua akad iaitu akad hibah di permulaan dan akad jual beli di penghujungnya.<sup>29</sup> Golongan ini mensyaratkan, gantian tersebut dinyatakan oleh penerima sebagai balasan sehingga diketahui oleh pemberi hibah bahawa pemberian hibahnya telah dibalas. Apabila barang gantian atau balasan tersebut telah diterima dan di*qabḍ* oleh pemberi hibah maka pemberi hibah tidak boleh menarik balik hibahnya. Namun jika barang yang menjadi balasan atau gantian tidak dinyatakan sebagai pembalasan kepada hibah yang diberikan, maka pemberian tersebut dianggap sebagai hibah kedua yang mana kedua-dua pihak berhak menarik balik hibah masing-masing.<sup>30</sup>

<sup>28</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damshiq: Dār al-Fikr, 3rd ed., 1409/1989), v. 29.

<sup>29</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, v. 29.

<sup>30</sup> Al-Juzayrī, ‘Abd al-Rahman, *Kitāb al-Fiqh ‘Alā Madhāhib al-Arba‘ah* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1406/1986), iii. 223-224.

## ii. Mazhab Maliki

Akad hibah dengan syarat gantian dianggap sebagai akad jual beli oleh mazhab Maliki dan ianya sah sama ada dinyatakan atau tidak jenis balasan atau barang gantian yang disyaratkan.<sup>31</sup> Sahnūn meriwayatkan bahawa Imam Malik telah berkata:

“Akad hibah dengan syarat gantian atau balasan merupakan akad jual beli.”<sup>32</sup>

Apabila kedua-dua pihak telah bersetuju dengan syarat yang dinyatakan maka menjadi tanggung jawab penerima hibah menunaikan balasan sebagaimana yang disyaratkan oleh pemberi hibah. Hibah berkuatkuasa sama ada harta telah di*qabd* ataupun tidak sekiranya bentuk pembalasan atau gantian telah ditentukan dan diketahui dalam syarat hibah dan dipersetujui bersama antara keduanya. Namun jika sebaliknya, akad tersebut tidak berkuat kuasa sehingga berlaku *qabd*.<sup>33</sup>

## iii. Mazhab Shafi'i, Hanbali dan Zufar

Mereka berpendapat sah akad hibah dengan syarat gantian atau balasan namun hukumnya adalah hukum akad jual beli dari permulaan sehingga penghujungnya dengan syarat dinyatakan secara jelas bentuk balasan atau gantian yang disyaratkan oleh pemberi hibah.<sup>34</sup> Sebagai contoh:

“Saya hibahkan kepada kamu baju ini dan kamu hendaklah membalasnya dengan baju kamu itu.”

Akad tersebut sah kerana diketahui balasan yang disyaratkan oleh pemberi hibah namun ia tidak dikira sebagai akad hibah tetapi sebagai akad jual beli. Hukum-hukum jual beli terlaksana ke atasnya antaranya seperti hak *syuf'ah*, *khiyār* dan ganti rugi.<sup>35</sup> Namun begitu, akad terbatal sekiranya syarat balasan tersebut tidak ditentukan atau tidak diketahui,<sup>36</sup> kerana dengan adanya syarat

<sup>31</sup> Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, 365; Al-Juzayrī, ‘Abd al-Raḥman, *Kitāb al-Fiḥ ‘Alā Madhāhib al-Arba‘ah*, iii. 223.

<sup>32</sup> Mālik bin Anas, *al-Mudawwanah al-Kubrā* (t.tp: Dār al-Fikr, n.d.), iv. 338.

<sup>33</sup> Al-Dusūqī, Muḥammad Arif, *Hāshiyah al-Dusūqī ‘Alā al-Sharḥ al-Kabīr* (t.tp: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-Arabiyyah, n.d.), iv. 114; Al-Juzayrī, ‘Abd al-Raḥman, *Kitāb al-Fiḥ ‘Alā Madhāhib al-Arba‘ah*, iii. 222-223.

<sup>34</sup> Al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma‘rifat Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, 573; Al-Juzayrī, ‘Abd al-Raḥman, *Kitāb al-Fiḥ ‘Alā Madhāhib al-Arba‘ah*, iii. 224.

<sup>35</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiḥ al-Islāmī wa Adillatuh*, v. 30; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 299.

<sup>36</sup> Al-Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs, *Kitāb al-Umm* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1420/2000), iv. 402.

balasan telah menyebabkan akad hibah tidak sah dan dengan tidak ditentukan balasan yang disyaratkan telah membatalkan akad jual beli.<sup>37</sup>

Undang-undang Sivil Jordan pula dalam Perkara 562(1) mensyaratkan gantian yang disyaratkan oleh pemberi hibah hendaklah diketahui oleh kedua-dua pihak yang berakad. Namun sekiranya gantian yang disyaratkan itu tidak diketahui atau ditentukan, maka ia tidak membatalkan akad hibah bahkan pembatalan boleh dilakukan oleh pihak-pihak yang berakad pada bila-bila masa sahaja selagi tiada kesepakatan tentang gantian tersebut. Perkara 562(1) memperuntukkan:

*“Wajib atau hendaklah gantian yang disyaratkan dalam akad hibah diketahui, jika tidak, harus bagi kedua-dua belah pihak yang berakad membatalkan akad tersebut walaupun selepas berlaku penyerahan harta yang dihibah selagi mana mereka tidak sepakat dalam menentukan gantian tersebut.”*

## **PENARIKAN BALIK ATAU PEMBATALAN HIBAH DENGAN SYARAT BALASAN**

Penarikan balik hibah yang telah sempurna dengan *qabd* oleh penerima hibah selain dari hibah seorang bapa kepada anaknya menjadi perselisihan fuqaha tentang keharusannya. Perselisihan tersebut terbahagi kepada tiga pendapat iaitu:

**Pendapat pertama :** Pendapat mazhab Shafi'i, Hanbali, Abu Thawri, Ibn Hazm, Daud al-Zahiri dan sahabat-sahabatnya. Mereka berpendapat bahawa hibah yang telah sempurna<sup>38</sup> tidak harus bagi pemberi hibah menarik balik hibahnya.<sup>39</sup> Mereka berhujah dengan dalil-dalil berikut:

a. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

<sup>37</sup> Al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Maʿrifat Maʿānī Alfāz al-Minhāj*, 573; Al-Damīrī, Muḥammad bin Mūsā bin ʿIsa, *al-Najm al-Wahhāj fī al-Sharḥ al-Minhāj* (t.tp: Dār al-Minhāj, 1425/2004), v. 567.

<sup>38</sup> Hibah yang sempurna menurut mazhab Shafi'i dan Hanbali ialah barang yang dihibah telah diterima oleh penerima hibah (*qabd*) dan menjadi miliknya. Manakala menurut mazhab Zahiri, hibah dikira sempurna dengan sempurnanya akad.

<sup>39</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 290.

*"Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian."*

(Surah al-Mā'idah, 5:1)

Hibah merupakan akad yang wajib ditunaikan dan tidak harus ditarik balik.

b. Sabda Rasulullah SAW:

العائد في هبته كالكلب يقيء ثم يعود في قيئه<sup>40</sup>

*"Orang yang menarik balik hibahnya seperti anjing yang muntah kemudian memakan muntahnya kembali."*

Menyamakan orang yang menarik balik hibah seperti anjing yang memakan muntahnya menunjukkan pengharaman penarikan balik hibah kerana hukum muntah adalah haram.<sup>41</sup>

c. Sabda Rasulullah SAW lagi sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas dan Ibn Umar:

لا يحل لأحد أن يهب هبة ثم يرجع فيها إلا من ولده فمن فعل ذلك فمثله  
كمثل الكلب يأكل ثم يقيء ثم يعود في قيئه<sup>42</sup>

*"Tidak halal bagi seseorang yang memberi hibah menarik balik hibahnya kecuali hibah bapa kepada anaknya, maka barangsiapa yang melakukan sebegini, seperti anjing yang telah makan kemudian dia memuntahkannya dan kemudian dia kembali memakan muntahnya."*

Rasulullah SAW menyamakan penarikan balik hibah dengan satu gambaran yang teruk yang di luar tabiat semula jadi manusia yang baik iaitu gambaran seperti anjing yang menelan semula muntahnya.

<sup>40</sup> Al-Bukhārī, *Sahīh. al-Bukhārī*, Kitab al-Hibah Wa Faḍluhā Wa al-Tahrīd ‘Alayhā. Bāb Hibat al-Rajul Li Imra’atih Wa al-Mar’ah Li Zawjihā. No. hadis 2449. (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, n.d).

<sup>41</sup> Al-Shawkānī, Muḥammad bin ‘Alī, *Nayl al-Awṭār min Ahādīth Ayyid al-Akhyār Sharḥ Muntaqā al-Akhbar* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1415/1995), vi.11.

<sup>42</sup> Al-Nasā’ī, *Sunan*. Kitāb al-Hibah. Bāb Rujū‘ al-Walid Fīmā Yu‘ṭī Waladah wa Dhakara Ikhtilāf al-Naqilin.

**Pendapat kedua:** Pendapat mazhab Hanafi, Imāmiyyah dan Zaydiyyah<sup>43</sup> bahawa sekiranya hibah itu diberikan kepada *ajnabī*<sup>44</sup> dan telah sempurna pemberian hibah dengan *qabḍ* oleh penerima hibah, maka tidak terhalang pemberi hibah daripada menarik balik hibah yang telah diberikan kecuali jika terdapat salah satu daripada perkara-perkara yang menghalang penarikan balik hibah.<sup>45</sup> Walaupun begitu, menurut fuqaha mazhab Hanafi ianya makruh dan tidak digalakkan.<sup>46</sup>

Perkara-perkara yang menghalang daripada penarikan balik hibah menurut mazhab Hanafi<sup>47</sup>:

- i. Berlaku pertambahan yang tidak boleh dipisahkan pada barang yang dihibah sama ada disebabkan oleh perbuatan penerima hibah atau orang lain.<sup>48</sup> Sebagai contoh, penerima hibah menambah binaan baru ke atas rumah yang dihibahkan kepadanya ataupun penerima hibah menjahit kain yang dihibahkan kepadanya menjadi baju kemeja.<sup>49</sup> Pertambahan tersebut tidak termasuk pertambahan nilai kerana pertambahan nilai tidak menjejaskan barang yang dihibah kekal pada bentuk asalnya. Begitu juga jika pertambahan itu berasingan atau sesuatu yang boleh diasingkan daripada barang asal yang dihibahkan seperti buah dari kebun yang dihibahkan kerana pemberi hibah boleh menarik balik hibah kebun tersebut manakala buah hasil kebun menjadi milik penerima hibah.
- ii. Kematian salah satu pihak yang berakad hibah selepas berlaku penyerahan dan telah di*qabḍ*. Ini kerana, sekiranya penerima hibah meninggal dunia, barang yang dihibah akan menjadi milik ahli warisnya. Begitu juga sekiranya pemberi hibah yang meninggal dunia, maka ahli warisnya tiada hak untuk menarik balik hibah tersebut.<sup>50</sup>

<sup>43</sup> Ḥasan Muḥammad Buda, *Mawānī‘ al-Rujū‘ fī al-Hibah fī al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qānūn al-Waḍ‘ī*, 73.

<sup>44</sup> Sesiapa yang bukan tergolong daripada kaum kerabat yang menjadi *maḥram* kepada pemberi hibah.

<sup>45</sup> Al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār min Aḥādīth Ayyid al-Akhyār Sharḥ Muntaqā al-Akhbar*, 12; Muḥammad Ḥusnī Ibrāhīm Salim, *al-Hibah fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqāranah*, 100.

<sup>46</sup> Al-Qādirī, *Takmilah al-Baḥr al-Rā‘iq Sharḥ Kanz al-Daqā‘iq*, 494.

<sup>47</sup> Muḥammad Ḥusnī Ibrāhīm Salim, *al-Hibah fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqāranah*, 101.

<sup>48</sup> Al-Kasānī, ‘Alā al-Dīn Abī Bakr bin Mas‘ūd, *Badā‘i‘ al-Ṣanā‘i‘ fī Tartīb al-Sharā‘i‘* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī. 2nd ed, 1419/1998), v. 185-186.

<sup>49</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, v. 31.

<sup>50</sup> Al-Qādirī, *Takmilah al-Baḥr al-Rā‘iq Sharḥ Kanz al-Daqā‘iq* 497; Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 33.

Namun hibah akan terbatal sekiranya berlaku kematian salah seorang daripada dua orang yang berakad sebelum berlaku penyerahan barang yang dihibahkan. Pemilikan barang yang dihibah berpindah kepada ahli waris pemberi hibah sebelum sempurnanya proses pemberian hibah. Oleh itu penarikan balik hibah tidak berlaku kerana akad hibah dikira terbatal dengan kematian salah seorang daripada mereka sebelum sempurna penerimaan hibah.

- iii. Wujud syarat pertukaran atau balasan. Penerima hibah menggantikan hibah yang telah diberikan oleh pemberi hibah dengan sesuatu balasan sebagaimana yang disyaratkan oleh pemberi hibah.<sup>51</sup>
- iv. Penerima hibah telah menjalankan urusaniaga terhadap harta yang dihibah dan ia bukan lagi menjadi milik penerima hibah. Sebagai contoh, penerima hibah pertama telah menghibahkan harta tersebut kepada penerima hibah kedua, menyebabkan pemberi hibah pertama terhalang dari menarik balik hibahnya. Namun sekiranya penerima hibah pertama telah menarik hibah tersebut dari penerima hibah kedua, maka pemberi hibah pertama boleh menarik balik hibahnya dari penerima hibah pertama.
- v. Hibah yang dibuat oleh suami atau isteri,<sup>52</sup> kerana tujuan hibah tersebut adalah atas dasar kasih sayang tanpa mengharapkan balasan berbanding hibah kepada orang lain. Pemberian hibah tersebut hendaklah berlaku ketika pasangan suami isteri berada dalam ikatan perkahwinan. Sekiranya seorang lelaki menghibahkan sesuatu kepada seorang perempuan kemudian mereka berkahwin, maka suami mempunyai hak untuk menarik balik hibah yang berlaku sebelum perkahwinan.<sup>53</sup> Namun sekiranya, pemberian hibah berlaku ketika dalam ikatan perkawinan, salah seorang daripada mereka tidak boleh menarik balik hibah tersebut walaupun selepas perceraian.
- vi. Pemberian hibah kepada seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan (kerabat) yang diharamkan berkahwin dengannya.<sup>54</sup> Halangan penarikan balik hibah disebabkan tujuan pemberian hibah tersebut adalah untuk merapatkan hubungan silaturrahim sesama mereka.

---

<sup>51</sup> Al-Qādirī, *Takmilah al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*, 497.

<sup>52</sup> Al-Kasānī, *Badā'ī' al-Ṣanā'ī' fī Tartīb al-Sharā'ī'*, 192.

<sup>53</sup> Al-Qādirī, *Takmilah al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*, 499-500.

<sup>54</sup> Kerabat yang bukan mahram seperti sepupu dan mahram yang tidak mempunyai hubungan darah seperti saudara susuan adalah sah penarikan balik hibahnya. Inas Abbās Ibrāhīm, 'Hibah al-Abā' li Abnā'ihim Ḥāl al-Ḥayāh', *Majalah al-Sharī'ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah* (Kuwait: Majlis al-Nasyr al-'Ilmī Fī Jamī'ah al-Kuwait, Bil. 19, 1413/1993); Al-Kasānī, *Badā'ī' al-Ṣanā'ī' fī Tartīb al-Sharā'ī'*, 190.

Sikap saling tolong menolong dan bantu membantu antara mereka menjadi *wasīlah* atau jalan untuk mendapat ganjaran dan pertolongan di akhirat kelak dan ia lebih bernilai daripada harta.<sup>55</sup>

- vii. Harta hibah telah rosak atau telah hilang manfaatnya. Tidak boleh juga menarik balik hibah dengan nilai barang yang telah rosak kerana nilai barang yang dihibah tidak disebut ketika berakad dan penerimaan hibah tidak dikenakan gantian.<sup>56</sup>

Sekiranya salah satu daripada halangan penarikan balik hibah tersebut tiada, maka sah penarikan balik hibah namun dengan syarat mendapat persetujuan dan keredhaan pemberi dan penerima hibah atau melalui perintah mahkamah.<sup>57</sup>

Golongan ini berhujah dengan dalil-dalil berikut:

- a. Sabda Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah:

الرجل أحق بهبته ما لم يثب منها<sup>58</sup>

*“Pemberi hibah lebih berhak ke atas hibahnya yang tidak memberi apa-apa ganjaran daripadanya.”*

Hadis tersebut menjelaskan bahawa setiap hibah yang tiada gantian atau balasan yang diterima oleh pemberi hibah, dia mempunyai hak menarik balik hibahnya.<sup>59</sup>

- b. Mereka berhujah bahawa tujuan hibah ialah mendapat balasan pada kebiasaannya. Manusia akan memberi sesuatu kepada orang atasannya untuk mendapat perlindungan dengan pangkat dan kuasa yang ada, memberi sesuatu kepada orang bawahan untuk mendapat khidmat mereka dan memberikan sesuatu kepada orang yang sama taraf adalah untuk mendapat balasan darinya. Oleh itu sekiranya hilang tujuan pemberian hibah maka pemberi hibah mempunyai kuasa untuk membatalkan hibah tersebut seperti pembeli boleh membatalkan akad jual belinya jika terdapat aib pada barang yang dibeli.<sup>60</sup>

<sup>55</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 31.

<sup>56</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 33.

<sup>57</sup> Muḥammad Ḥusnī Ibrāhīm Salim, *al-Hibah fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqāranah*, 104.

<sup>58</sup> Ibn Mājah, *Sunan*. Kitāb al-Hibāt. Bāb Man Wahaba Hibatān Raja’a Thawabihā. No. hadis, 2387.

<sup>59</sup> Ḥasan Muḥammad Buda, *Mawānī’ al-Rujū’ fī al-Hibah fī al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qānūn al-Waḍ’ī*, 83.

<sup>60</sup> Ḥasan Muḥammad Buda, *Mawānī’ al-Rujū’ fī al-Hibah fī al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qānūn al-Waḍ’ī*, 83.

- c. Hibah yang diberikan kepada seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang tidak boleh dikahwini (mahram) tidak sah ditarik balik kerana ia boleh memutuskan hubungan silaturrahim antara pemberi dan penerima hibah<sup>61</sup> bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Samrah bahawa Nabi SAW bersabda:

62

“*Sekiranya hibah diberikan kepada kaum kerabat yang mahram, maka ianya tidak boleh ditarik balik.*”

Hadis tersebut membuktikan bahawa pemberi hibah lebih berhak menarik balik hibah yang telah diberikan kepada selain daripada saudara mara yang haram dikahwini.<sup>63</sup> Namun begitu menurut al-Bayhaqī, hadis tersebut tidak kuat kerana diriwayatkan melalui satu sanad sahaja<sup>64</sup> dan ianya disokong oleh al-Darqutnī dalam *sunan* beliau.<sup>65</sup>

- d. Pemberi hibah yang tidak mendapat apa-apa balasan daripada penerima hibah atas pemberian hibahnya berhak menarik balik hibah tersebut<sup>66</sup> sepertimana akad pinjaman. Sekiranya akad pinjaman boleh ditarik balik kerana tiada balasan, begitu juga dengan hibah kerana keduanya merupakan akad *tabarru*’.

**Pendapat ketiga:** Pendapat al-Nakha’i, al-Thawrī dan Ishak bahawa hibah boleh ditarik balik sekiranya diberikan kepada selain dari kaum kerabat dan hibah yang tiada syarat balasan walaupun telah sempurna penyerahan hibah tersebut.<sup>67</sup> Mereka berhujah dengan *athār* Saidina Umar<sup>68</sup>:

من وهب هبة لذي رحم فهو جائز أو من وهب هبة لغير ذي رحم فهو  
أحق بها ما لم يثب عليها.

<sup>61</sup> Al-Qādirī, *Takmilah al-Baḥr al-Rā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq*, 500.

<sup>62</sup> Al-Bayhaqī, *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*. Kitāb al-Hibat. Bāb al-Mukafa’ah fī al-Hibah. No. Hadis, 11806.

<sup>63</sup> Ḥasan Muḥammad Buda, *Mawānī’ al-Rujū’ fī al-Hibah fī al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qānūn al-Waḍ’ī*, 83.

<sup>64</sup> Al-Bayhaqī, Aḥmad bin al-Ḥusnī, *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā* (Mekkah: Maktabah Dār al-Baz 1414/1994), vi. 181.

<sup>65</sup> Al-Darqutnī, ‘Alī bin ‘Umar, *Sunan al-Darqutnī* (Beirūt: Dār al-Ma’rifah, 1386/1966), iii. 44.

<sup>66</sup> Al-Kasānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’ fī Tartīb al-Sharā’i’*, 186.

<sup>67</sup> Muḥammad Ḥusnī Ibrāhīm Salim, *al-Hibah fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqāranah*, 100.

<sup>68</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 290.

*“Sesiapa yang memberi hibah kepada seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengannya adalah harus, dan sesiapa yang memberi hibah kepada selain daripada yang mempunyai hubungan keluarga dengannya dia lebih berhak ke atas hibah tersebut kerana tidak mendapat apa-apa ganjaran daripadanya.”*

Berdasarkan *athār* di atas, tidak harus menarik balik pemberian hibah kepada seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan sama ada boleh dikahwini atau pun tidak dengan tidak mengkhususkan kepada keluarga yang boleh dikahwini sahaja seperti pendapat mazhab Hanafi.

Perkara 579 dalam Undang-undang Sivil Jordan selaras dengan pandangan mazhab Hanafi yang memperuntukkan bahawa antara faktor-faktor yang menghalang daripada penarikan balik hibah adalah pemberian hibah dengan syarat balasan atau gantian. Namun keharusan penarikan balik hibah dengan syarat balasan diperuntukkan dalam Perkara 561(1) dan (2)<sup>69</sup> sekiranya penerima hibah tidak menunaikan syarat gantian sebagaimana yang disyaratkan oleh pemberi hibah dalam akadnya.

## KESIMPULAN

Meletakkan sesuatu syarat balasan atau gantian dalam akad hibah adalah diharuskan sekiranya syarat tersebut tidak bertentangan dengan hukum syarak dan tujuan pemberian hibah, iaitu memberi hak milik harta kepada penerima hibah untuk dimanfaatkannya serta tidak menyalahi etika, adat dan undang-undang umum setempat. Syarat balasan tersebut hendaklah ditentukan dengan jelas dalam akad dan mestilah sesuatu yang tidak mustahil untuk ditunaikan oleh penerima hibah. Namun, bentuk akad hibah dengan syarat balasan yang diharuskan oleh fuqaha ini akan bertukar menjadi akad jual beli menurut jumhur fuqaha walaupun menurut mazhab Hanafi hukum jual beli berlaku selepas penerimaan milik harta atau *qabd* daripada kedua belah pihak.

---

<sup>69</sup> Perkara 561 (1): “Diharuskan pemberi hibah menuntut kembali harta yang telah dihibah apabila disyaratkan dalam akad hibah hak menuntut kembali harta yang telah dihibah dalam keadaan penerima hibah tidak menunaikan kewajipan atau komitmen tertentu yang telah disyaratkan sama ada untuk kepentingan pemberi hibah atau sesiapa sahaja yang berhubung kait dengannya.” (2): “Maka apabila harta yang dihibah telah musnah atau penerima hibah telah melakukan urusan ke atasnya, maka pemberi hibah berhak menuntut nilai harta tersebut mengikut waktu harta tersebut digunakan atau musnah.”

Dalam akad hibah dengan syarat balasan, pemberi hibah tidak berhak untuk menarik balik hibahnya sekiranya syarat balasan atau gantian yang disyaratkan dalam akad telah dilaksanakan atau telah berlaku penerimaan gantian. Peruntukan berkaitan hibah dengan syarat balasan yang terdapat dalam Undang-undang Sivil Jordan kebanyakannya selaras dengan pendapat mazhab Hanafi kerana ia merupakan mazhab rasmi bagi Negara Jordan. Peruntukan-peruntukan tersebut menjadi garis panduan kepada masyarakat, pihak industri dan pihak berwajib dalam melaksanakan serta mengawal kegiatan hibah dengan syarat balasan di kalangan masyarakat negara ini. Sekiranya berlaku pengingkaran daripada menunaikan syarat balasan sebagaimana yang disyaratkan dalam akad hibah, pihak berkuasa mempunyai kuasa untuk memberi hak kepada pemberi hibah menarik balik hibahnya sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang. Namun dalam Undang-undang Sivil Jordan tidak diperjelaskan syarat balasan dalam bentuk halangan ke atas penerima hibah melakukan transaksi ke atas harta yang dihibah sebagaimana yang telah dibincangkan oleh fuqaha. Begitu juga tidak diperjelaskan kedudukan syarat balasan atau gantian sekiranya nilai gantian yang disyaratkan melebihi daripada nilai harta yang dihibah sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Undang-undang Sivil Mesir dan Syria yang mensyaratkan nilai harta gantian hendaklah kurang atau sama nilainya dengan harta yang dihibah.<sup>70</sup>

Justeru, suatu bentuk kawalan bersifat undang-undang berkaitan hibah umumnya dan hibah dengan syarat balasan khususnya perlu diwujudkan di Malaysia sebagaimana yang telah wujud di Jordan di samping melakukan penambahbaikan mengikut keperluan dan maslahat masyarakat di negara ini. Melihat kepada kesedaran yang tinggi masyarakat Islam di negara ini tentang pentingnya merancang harta sebelum berlaku kematian serta pertumbuhan pesat industri perancangan harta, adalah menjadi suatu keperluan yang mendesak kepada kewujudan dan penggubalan suatu bentuk kawalan dan selian undang-undang khusus berkenaan hibah bagi mengelakkan pelbagai isu berbangkit timbul.

## **RUJUKAN**

‘Abd al-Bar, Muḥammad Zaki, *Aḥkām al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah fī al-Madḥhab al-Ḥanbali* (Qatar: Dār al-Thaqafah, 1406/1986).

Al-Ashqar, Muḥammad Sulayman Abdullah, *al-Mujallā* (Damshiq: Dār al-Qalam, 1419/1998).

---

<sup>70</sup> Perkara 498, Undang-undang Sivil Mesir; Perkara 466, Undang-undang Sivil Syria.

- Al-Bayhaqī, Aḥmad bin al-Ḥusin, *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā* (Mekkah: Maktabah Dār al-Bāz, 1414/1994).
- Al-Bukharī, *Ṣaḥīḥ al-Bukharī* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, n.d).
- Al-Damīrī, Muḥammad bin Mūsā bin ‘Isā, *al-Najm al-Wahhāj fī al-Sharḥ al-Minhāj* (n.p: Dār al-Minhāj, 1425/2004).
- Al-Dāruqutnī, ‘Alī bin ‘Umar, *Sunan al-Daruqutnī* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1386/1966).
- Al-Dusūqī, Muḥammad Arif, *Hāshiyah al-Dusūqī ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr* (n.p: Dār Iḥya’ al-Kutub al-Arabiyyah, n.d.).
- Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muḥammad, *Kitāb al-Ta‘rifat* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1418/1998).
- Al-Juzayrī, ‘Abd al-Raḥman, *Kitāb al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-Arba‘ah* (Beirut: Dār al-Fikr, 1406/1986).
- Al-Kasānī, ‘Alā al-Dīn Abī Bakr bin Mas‘ūd, *Badā‘i‘ al-Ṣanā‘i‘ fī Tartīb al-Sharā‘i‘* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī. 2nd ed, 1419/1998),
- Al-Nasā‘ī, *Sunan al-Nasā‘ī* (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2001).
- Al-Qādirī, Muḥammad bin Ḥusayn bin ‘Alī, *Takmilah al-Baḥr al-Rā‘iq Sharḥ Kanz al-Daqā‘iq* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1418/1997).
- Al-Shāfi‘ī, Muhammad bin Idris, *Kitāb al-Umm* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1420/2000).
- Al-Sharbinī, Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma‘rifat Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1415/1994).
- Al-Shawkānī, Muḥammad bin ‘Alī, *Nayl al-Awtār min Aḥādīth Ayyid al-Akhyār Sharḥ Muntaqā al-Akhbar* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1415/1995).
- Al-Zuhaylī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damshiq: Dār al-Fikr, 3rd ed., 1409/1989).
- Ḥasan Muḥammad Buda, *Mawānī‘ al-Rujū‘ fī al-Hibah fī al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qānūn al-Waḍ‘ī* (Iskandariyyah: Dār al-Jāmi‘ah al-Jadīdah li al-Nashr, 2004).
- Ibn Majah, *Sunan* (Syarikah al-Tibā‘ah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah, 1984).
- Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram, *Lisān al-‘Arab* (Riyaḍ: Dār al-Akhyar, 1427/2006).
- Ibn Qudāmah, ‘Abd Allah bin Aḥmad, *al-Mughnī* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, n.d.).

- Ibn Rushd, Muḥammad bin Aḥmad, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1416/1996).
- Inas Abbas Ibrahim, Hibah al-ābā' li abnāihim hal al-hayāh', *Majalah al-Sharī'ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah* (Kuwait: Majlis al-Nasyr al-'Ilmi fi Jami'ah al-Kuwait, Bil. 19, 1413/1993).
- Ismail Mohd @ Abu Hassan, 'Instrumen Hibah: Isu-isu Dan Cabaran', Kertas kerja dibentangkan di Bengkel Hibah, anjuran Seksyen Syariah Jabatan Peguam Negara Malaysia, Hotel Equatorial, 18-19 November 2008.
- Mālik bin Anas, *al-Mudawwanah al-Kubrā* (t.tp: Dār al-Fikr, n.d.).
- Mohd Ridzuan Awang, 'Pelaksanaan Harta Hibah', *Isu Syariah dan Undang-undang Siri 12* (Bangi: Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003).
- Mohd Zamro Muda, 'Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia', Kertas kerja dibentangkan di Bengkel Hibah, anjuran Seksyen Syariah Jabatan Peguam Negara, Hotel Equatorial, 18-19 November 2008.
- Muḥammad Ḥusnī Ibrāhīm Salim, *al-Hibah fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqāranah* (Kaherah: Dār al-Ṭaba'ah al-Muḥammadiyyah, 1994).
- Muḥammad Yūsuf 'Amru, *al-Mīrāth wa al-Hibah Dirāsah Muqāranah* (Ammān: Dār al-Hamīd, 2008).
- Muṣṭafā Khin et.al, *al-Fiqh al-Manhajī Alā Madhāhib al-Imām al-Shāfi'ī* (Damshiq: Dār al-Qalam, 1427/2006).
- Nadir 'Abd 'Azīz, *Aqd al-Hibah fī al-Qānūn al-Lubnāni wa al-Muqārīn* (Lubnan: al-Mu'assasah al-Ḥadīthah li al-Kitāb, 2001).
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad, 'Elemen Qabḍ (Pindahan Milikan) Dalam Hibah: Analisis Terhadap Keperluan Dan Pelaksanaannya Mengikut Perspektif Undang-undang Islam', *Jurnal Syariah*, 17/2 (2009).
- Sheikh Ghazali bin Hj Abd. Rahman, 'Perkembangan terkini undang-undang hibah di Malaysia', *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta Dalam Islam* (2010).
- Undang-undang Sivil Jordan.
- Undang-undang Sivil Mesir
- Undang-undang Sivil Syria.
- Utusan Malaysia*, 2 April 2009.
- Utusan Malaysia*, 21 Februari 2011.